

ANGKASA Sokong Program Penghijauan Malaysia Sehingga Tanam Sejuta Pokok

ANGKASA sokong program Penghijauan Malaysia sehingga tanam sejuta pokok

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menyokong program Penghijauan Malaysia menanam sejuta pokok bagi menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara.

Program Koperasi Sejuta Pokok membuktikan

kesungguhan Angkasa memastikan khazanah hutan negara terus kekal dan terpelihara.

Anggota Lembaga Angkasa Datuk Che Mohd Shukree Che Isa berkata, kempen itu bermula di Melaka, Selangor dan Pahang,

seterusnya ke setiap Perhubungan Angkasa negeri lain.

Angkasa mengetuai program kerjasama itu dengan Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia dan rakan strategik daripada pelbagai agensi kerajaan seperti

Kementerian Pendidikan serta badan bukan kerajaan (NGO).

■ ANGGOTA Lembaga Angkasa Datuk Mohd Shukree Che Isa (tengah-pegang lambang Angkasa) bersama wakil koperasi sekolah, dewasa dan kariah

Masjid selepas Koperasi Prihatin Sejuta Pokok anjuran ANGKASA Negeri Pahang 3 (Barat) sempena Sambutan 100 Tahun Koperasi di Kelab Golf Raub, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

